

17/05/1997

PM temui Blair Isnin ini

Karim Sulaiman in London

LONDON, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan tiba untuk lawatan kerja lima hari di Britain, Isnin ini, mempunyai atur cara padat walaupun bercuti selama dua bulan mulai minggu depan.

Perdana Menteri dijangka menemui rakan sejawatannya, Tony Blair yang mengambil alih pemerintahan Britain daripada Parti Konservatif, awal bulan ini.

Pertemuan itu menjadikan Dr Mahathir antara pemimpin terawal mengadakan pertemuan dengan Blair sejak pemimpin Parti Buruh itu menjadi Perdana Menteri Britain.

Kemuncak lawatannya ke sini ialah Persidangan Pelaburan Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi mempromosikan MSC di Eropah pada Selasa ini di mana beliau akan menyampaikan ucapan mengenai MSC kepada kira-kira 1,000 wakil syarikat Eropah yang terbabit dalam industri Teknologi Maklumat (IT).

Dr Mahathir juga dijadualkan menemui beberapa ketua eksekutif syarikat IT terkemuka Eropah selepas persidangan itu.

Sekurang-kurangnya enam syarikat terkemuka Eropah akan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk menjalin kerjasama IT dengan syarikat Malaysia dalam persidangan itu.

Setibanya di sini Isnin ini, Perdana Menteri dijadualkan melawat GEC-Marcorn Materials Technology Ltd.

Pada Rabu, beliau akan menemui ketua eksekutif media massa Britain, termasuk Perbadanan Penyiaran Britain (BBC), Reuter dan Wall Street Journal selain Connetware and Bernie Wysocki.

Keesokannya, Perdana Menteri akan melawat Universiti Warwick serta mendengar taklimat mengenai kerjasama antara universiti itu dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Pada hari yang sama, beliau akan mengadakan pertemuan makan tengah hari dengan pegawai Rover dan British Aerospace.

Dr Mahathir turut menemui pelajar Malaysia di universiti itu dan Universiti Coventry ketika di Universiti Warwick.

Pada hari akhir lawatan kerjanya, Perdana Menteri akan melawat Commonwealth Partnership Technical Management (CPTM), badan yang bertanggungjawab mengendalikan Dialog Antarabangsa Langkawi dan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika.

(END)